

# Malaysia, Turki sepakat perangi COVID-19

BH - 30/5/2020 m/s: 2

**Kuala Lumpur:** Malaysia dan Turki sepakat untuk memanfaatkan kekuatan masing-masing bagi memerangi pandemik COVID-19 dan bersedia bekerjasama dalam membangunkan vaksin serta ubat-ubatan berkaitannya.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang berkongsi kandungan perbualan telefon bersama Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan kelmarin berkata, kedua-dua negara mampu bekerjasama menangani cabaran penularan wabak dan pasca COVID-19.

“Saya menzahirkan rasa simpati dan solidariti Malaysia atas bilangan kes dan jumlah kematian yang tinggi akibat COVID-19

di Turki,” katanya di laman Facebook beliau, semalam.

Muhyiddin berkata, dalam perbualannya selama 30 minit bersama Erdogan, kedua-duanya turut berbincang mengenai langkah memperkasa hubungan dua hala dan meningkatkan kerjasama pelbagai bidang termasuk perdagangan, pelaburan, pelancongan, pendidikan tinggi, perubatan dan teknologi pertahanan.

Beliau berkata, kedua-dua negara sepakat supaya semua inisiatif kerjasama dua hala ini harus disambung semula sebaik pandemik COVID-19 berakhir.

“Erdogan juga membangkitkan mengenai peranan besar Mala-



**Muhyiddin dan Erdogan berbual selama 30 minit** menerusi panggilan telefon di Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

aysia dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin.

“Turki menyeru Malaysia terus aktif di persada antarabangsa, antaranya menolak sekeras-kerasnya tindakan unilateral oleh Israel ke atas Palestin, termasuk merampas tanah milik rakyat Palestin,” katanya bahawa mereka turut mengucapkan salam Aidilfitri, dalam perbualan berkenaan.

Muhyiddin turut mengulangi komitmen Malaysia terus bekerjasama dengan mana-mana negara yang mempunyai objektif sama, iaitu menyokong rakyat Palestin bebas daripada penjajahan Israel dan merealisasi aspirasi sebuah negara Palestin yang bebas.